

## **Tahap Penggunaan Forum E-Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Jabatan Multimedia (SPK, SPP dan SPT) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia**

Mohd Nihra Haruzuan B. Mohamad Said & Anili Fasha Binti Mahadi  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap penggunaan forum e-pembelajaran di kalangan pelajar tahun akhir Jabatan Multimedia (SPK, SPP dan SPT) Fakulti Pendidikan UTM serta masalah yang dihadapi pelajar semasa menggunakan forum epembelajaran. Seramai 69 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun akhir Jabatan Multimedia (SPK, SPP dan SPT) Fakulti Pendidikan UTM telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah terdiri daripada set soal selidik yang mengandungi 37 item. Item terdiri daripada 30 soalan yang menggunakan Skala Likert dan 4 soalan terbuka. Statistik deskriptif digunakan di mana data dianalisis bagi mencari frekuensi, peratusan dan min. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science v15.0 for Windows*). Purata taburan peratus dikelaskan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Nilai alpha adalah 0.991. Hasil kajian mendapati tahap penggunaan forum e-pembelajaran di kalangan pelajar adalah pada tahap sederhana di mana min keseluruhan adalah 3.51.

*katakunci:* forum e-pembelajaran

### **Pengenalan**

E-pembelajaran boleh didefinisikan sebagai pendekatan kepada pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi Internet untuk proses komunikasi dan kolaborasi di dalam konteks pendidikan (Blackboard, 2000). Menurutnya lagi, ini termasuklah teknologi yang melengkapkan amalan pembelajaran dalam kelas secara tradisional dengan komponen-komponen berdasarkan web dan persekitaran pembelajaran secara *online* ataupun maya.

### **Penyataan Masalah**

Pihak UTM telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada warga kampusnya bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran mereka. Apa yang pasti, *e-learning* telah menyediakan ruangan forum sebagai tempat penggunanya mengutarakan pandangan, pendapat serta melakukan perbincangan secara dalam talian. Sejauh manakah pelajar menggunakan serta memanfaat kemudahan forum perbincangan yang disediakan melalui *e-learning*. Oleh yang demikian, pengkaji berminat untuk mengetahui tahap penggunaan forum e-pembelajaran di kalangan pelajar. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar tahun akhir di bawah Jabatan Multimedia fakulti Pendidikan dari kursus SPP, SPK dan SPT semasa menggunakan forum e-pembelajaran.

### **Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, objektif adalah seperti berikut:

- 1 Mengenalpasti tahap penggunaan forum e-pembelajaran di kalangan pelajar tahun akhir Jabatan Multimedia (SPK, SPP dan SPT) Fakulti Pendidikan UTM.
- 2 Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir Jabatan Multimedia (SPK, SPP dan SPT) Fakulti Pendidikan UTM semasa menggunakan forum e-pembelajaran.

## **Kepentingan Kajian**

Melalui kajian ini, pengkaji yakin bahawa ia akan memberikan kepentingan kepada pelbagai pihak seperti pihak UTM sendiri khususnya. Tidak dapat dinafikan bahawa kajian ini juga akan memberikan manfaat kepada bidang pembelajaran *elearning* di Malaysia.

Kajian ini akan memberi ruang kepada pengkaji melihat suatu ruangan baru yang ternyata mempunyai nilai penting dalam kehidupan dunia pembelajaran *elearning*. Pengkaji ingin mengembangkan ilmu pendidikan melalui forum epembelajaran selanjutnya memberi sumbangan kepada bidang yang terlibat. Melalui kajian ini, diharap pengkaji akan dapat menemukan faktor yang mempengaruhi perbincangan efektif di forum e-pembelajaran.

Kajian ini juga membawa banyak kelebihan kepada pihak UTM. Antaranya, kajian ini akan membantu UTM mengenalpasti sumbangan forum e-pembelajaran kepada pembelajaran dan pengajaran yang berlaku di kampus ini. Dengan itu, pelbagai langkah boleh diambil bagi meningkatkan mutu pendidikan di UTM khususnya melalui kemudahan forum e-pembelajaran.

Selaras dengan kehadiran sistem pembelajaran dalam talian yang memberikan kemudahan perbincangan maya di negara kita, kajian ini semestinya dapat membantu pihak pendidikan negara dalam menyedari segala kelebihan dan faedah besar yang dibawa oleh teknologi ini. Seterusnya, kemudahan perbincangan forum melalui pembelajaran elektronik ini diharap dapat dipertingkatkan mutu dan kualitinya supaya penggunaannya membawa manfaat kepada semua.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan yang dilakukan di UTM kampus Skudai, Johor. Lokasi ini dipilih berikutan pelaksanaan sistem pengajaran dan pembelajaran *e-learning* sebagai kemudahan kepada warganya. Responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada para pelajar tahun akhir di bawah Jabatan Multimedia Fakulti Pendidikan UTM (SPK, SPP dan SPT).

## **Metodologi**

### **Populasi dan Persampelan**

Populasi kajian ini adalah seramai 79 orang pelajar tahun akhir Jabatan Multimedia Fakulti Pendidikan bagi kursus SPP, SPK dan SPT. Sampel kajian adalah semua 79 orang pelajar tersebut.

### **Instrumen Kajian**

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan soal selidik. Instrumen kajian ini dibina oleh pengkaji serta berpandukan kajian-kajian lepas yang berkaitan iaitu Wu dan Hiltz (2004), Hamidah (2007) dan Janarthini (2007). Soal selidik yang dibina terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:

### **Bahagian A . Demografi**

Terdiri daripada 3 item bagi mengumpulkan data tentang latar belakang responden iaitu jantina, kursus dan bangsa.

## **Bahagian B . Tahap penggunaan forum e-pembelajaran**

Terdiri daripada 20 item bagi mendapatkan jawapan untuk persoalan kajian. Pada bahagian ini, responden perlu memberikan jawapan mengikut Skala Likert. Soalan akan mengkaji persoalan kajian iaitu mengenalpasti tahap penggunaan forum e-pembelajaran.

## **Bahagian C . Masalah yang dihadapi semasa menggunakan forum epembelajaran**

Mengandungi 14 item dengan tujuan menjawab persoalan kajian. 10 set soalan menyediakan pilihan jawapan mengikut Skala Likert dan 4 soalan berbentuk terbuka. Set soalan terbuka digunakan berikutan pengkaji ingin mengenalpasti pendapat atau pandangan responden mengenai aspek yang dikaji.

### **Kajian Rintis**

Bagi memastikan set soal selidik yang digunakan mempunyai kesahan, kebolehpercayaan dan memenuhi objektif, kajian rintis telah dijalankan. Borang soal selidik diedarkan kepada 10 pelajar tahun akhir kursus SPP, SPK dan SPT. Saiz sampel ini memadai bagi memenuhi tujuan kajian rintis (Najib, 1999).

Untuk mengukur kebolehpercayaan item dalam soal selidik, Ujian Alpha Cronbach dalam pakej SPSS (*Statistical Package for Social Science v15.0 for Windows*) digunakan. Kajian rintis yang dijalankan memperolehi nilai alpha sebanyak 0.991, menunjukkan kebolehpercayaan item soalan adalah tinggi serta sesuai digunakan sebagai soal selidik.

### **Keputusan**

#### **Dapatan Persoalan Kajian 1**

Persoalan kajian yang pertama merupakan *Apakah tahap penggunaan forum e-pembelajaran di kalangan pelajar tahun akhir Jabatan Multimedia Pendidikan (SPP, SPK dan SPT) Fakulti Pendidikan, UTM*. Hasil analisa data bahagian ini daripada kesemua 69 orang responden adalah seperti di dalam jadual 1.

**Jadual 1:** Data analisis frekuensi peratusan dan min bagi persoalan kajian

No.	Item	Peratus , % ( f )			Min
		TS	TP	S	
1	Saya suka menggunakan kemudahan forum pada bila-bila masa.	15.9 ( 11 )	13.0 ( 9 )	71.0 ( 49 )	3.58

14	Saya tidak merasakan beban untuk melakukan perbincangan di dalam forum.	24.6 ( 17 )	11.6 ( 8 )	63.8 ( 44 )	3.42
15	Saya memberi galakan kepada rakan untuk menggunakan forum e-learning.	24.6 ( 17 )	20.3 ( 14 )	55.1 ( 38 )	3.30
16	Saya boleh berkongsi maklumat tambahan bersama rakan melalui perbincangan di forum.	8.7 ( 6 )	11.6 ( 8 )	79.7 ( 55 )	3.77
17	Saya dapat meningkatkan kemahiran komunikasi melalui perbincangan di dalam forum.	17.4 ( 12 )	18.8 ( 13 )	63.8 ( 44 )	3.52
18	Perbincangan melalui forum dapat meningkatkan kefahaman saya dalam pembelajaran.	11.6 ( 8 )	30.4 ( 21 )	58.0 ( 40 )	3.45
19	Perbincangan dalam forum dapat meningkatkan komunikasi dua hala antara saya dengan yang lain.	13.0 ( 9 )	20.3 ( 14 )	66.7 ( 46 )	3.57
20	Forum dapat membantu saya berfikiran bernalas.	13.0 ( 9 )	14.5 ( 10 )	72.5 ( 50 )	3.64
<b>Purata Peratus dan Min</b>		<b>16.4</b>	<b>16.1</b>	<b>66.2</b>	<b>3.51</b>

2	Saya boleh memberi pendapat tentang suatu topik yang dibincangkan melalui forum.	5.8 ( 4 )	1.4 ( 1 )	92.8 ( 64 )	3.97
3	Perbincangan antara saya dan ahli kumpulan dapat dilakukan dengan mudah melalui forum.	15.9 ( 11 )	15.9 ( 11 )	68.1 ( 47 )	3.64
4	Saya memberi komitmen yang tinggi semasa perbincangan dilakukan di dalam forum.	17.4 ( 12 )	24.6 ( 17 )	58.0 ( 40 )	3.41
5	Saya boleh membincangkan suatu masalah bersama rakan melalui forum.	5.8 ( 4 )	7.2 ( 5 )	87.0 ( 60 )	3.87
6	Saya bersedia menghadapi sebarang topik sukar semasa berbincang di dalam forum.	15.9 ( 11 )	13.1 ( 9 )	71.0 ( 49 )	3.57
7	Saya sentiasa menyertai perbincangan di dalam forum.	17.4 ( 12 )	15.9 ( 11 )	66.7 ( 46 )	3.49
8	Saya boleh merujuk kembali topik lepas yang telah dibincangkan di dalam forum.	8.7 ( 6 )	15.9 ( 11 )	75.4 ( 52 )	3.74
9	Saya lebih selesa berbincang dengan rakan di dalam forum.	23.2 ( 16 )	18.8 ( 13 )	58.0 ( 40 )	3.36
10	Forum dapat mewujudkan kerjasama berkumpulan dalam menyelesaikan masalah.	15.9 ( 11 )	11.6 ( 8 )	72.5 ( 50 )	3.59
11	Saya kerap menggunakan forum dalam e-learning.	26.1 ( 18 )	24.6 ( 17 )	49.3 ( 34 )	3.20
12	Saya bersetuju jika pembelajaran dijalankan melalui forum e-learning berbanding kuliah.	55.1 ( 38 )	14.5 ( 10 )	30.4 ( 21 )	2.59
13	Saya tidak merasa bosan menggunakan forum e-learning.	17.4 ( 12 )	18.8 ( 13 )	63.8 ( 44 )	3.51

### Perbincangan

Analisis keseluruhan menunjukkan min keseluruhan ialah 3.51. Ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan forum e-pembelajaran di kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Kajian ini menyatakan bahawa pelajar boleh memberi pendapat tentang suatu topik yang dibincangkan melalui

forum. Kenyataan ini disokong oleh Blackboard Inc. (2000) di mana ruangan forum memberikan ruang kepada pengguna untuk menghantar pendapat atau informasi. Pelajar menggunakan forum sebagai *platform* mereka berbincang dan mengutarakan pendapat.

Kajian mendapati, melalui forum pelajar boleh membincangkan suatu masalah bersama rakan mereka. Mereka boleh berkongsi maklumat tambahan bersama rakan melalui perbincangan dalam forum. Paulsen (1995) menyatakan bahawa, melalui forum pelajar boleh mengeluarkan pendapat dan seterusnya membincangkannya secara berkumpulan.

Pelajar menyatakan melalui forum mereka boleh merujuk kembali topik lepas yang telah dibincangkan di dalam forum. Kajian yang dijalankan oleh Hewitt (2003) menunjukkan pelajar akan membaca nota atau mesej lepas sebelum mereka memberikan mesej atau pendapat mereka. Pelajar akan merujuk kembali nota atau mesej yang telah dibincangkan dalam forum lepas.

Kajian ini juga mendapati forum dapat mewujudkan kerjasama berkumpulan dalam menyelesaikan masalah. Paulsen (1995) yang menyatakan forum tergolong dalam *many-to-many technique* bagi kaedah pedagogi pendidikan dewasa. Di mana bagi teknik ini, semua peserta atau pelajar dan pensyarah mempunyai peluang untuk mengambil bahagian di dalam interaksi yang berlangsung. Forum merupakan suatu perbincangan terbuka yang dijalankan atau disertai oleh seorang pelajar atau lebih dan seluruh kumpulan.

Seterusnya, pelajar didapati gemar menggunakan forum pada bila-bila masa. Menurut Bates (1986), forum meningkatkan komunikasi antara pengajar dan pelajar dengan membenarkan mereka mengalami pembelajaran yang lebih terbuka dan masa yang fleksibel. Menurut Anderson dan Kanuka (1997), forum memberikan kebebasan dari segi kekangan masa di mana pelajar boleh mengambil bahagian pada bila-bila masa mengikut pilihan mereka.

Selain itu, pelajar dapat meningkatkan komunikasi dua hala mereka dengan yang lain melalui perbincangan dalam forum. Forum *e-learning* UTM memberikan pelajar kemudahan untuk berbincang dengan pensyarah atau rakan sekelas (Mohamed Noor Hasan). Forum digunakan sebagai medium untuk berhubung berkenaan akademik dan sosial (Dringus dan Ellis, 2005).

## Rumusan

Kajian dijalankan dengan tujuan mengenalpasti tahap penggunaan forum epembelajaran di kalangan pelajar tahun akhir Jabatan Multimedia (SPK, SPP dan SPT) Fakulti Pendidikan. Hasil daripada analisa data dan perbincangan yang telah dibuat, boleh dibuat rumusan bahawa tahap penggunaan forum di kalangan pelajar adalah berada di tahap sederhana. Pelajar menggunakan forum e-pembelajaran bagi menyatakan pendapat mereka dan seterusnya melakukan perbincangan tentang topic berkaitan.

Melalui forum, pelajar dapat membincangkan sesuatu masalah dengan rakan mereka. Pelajar boleh berkongsi maklumat tambahan bersama rakan melalui perbincangan di dalam forum. Selain itu, melalui forum pelajar boleh merujuk kembali topik lepas yang telah dibincangkan dalam forum. Kajian juga mendapati forum dapat mewujudkan kerjasama berkumpulan dalam menyelesaikan masalah. Dengan menyertai forum juga pelajar dapat meningkatkan komunikasi dua hala mereka dengan yang lain.

Bagi masalah yang dihadapi pelajar semasa menggunakan forum epembelajaran pula, masalah luaran mencatatkan min pada tahap yang tinggi. Masalah luaran yang dihadapi adalah seperti kekurangan kemudahan wireless di sekitar kampus dan talian Internet yang perlahan. Bagi masalah dalaman pula, ia berada pada tahap sederhana. Masalah yang dialami adalah masalah penggunaan bahasa pasar. Pelajar gemar menggunakan bahasa rojak dan bahasa SMS semasa menghantar mesej di dalam forum.

Melalui soalan terbuka, didapati pelajar menyatakan pengalaman menggunakan forum adalah pengalaman yang menyeronokkan. Namun, terdapat juga sebahagian pelajar yang sebaliknya menyatakan perbincangan di dalam forum *e-learning* sebagai pengalaman yang membosankan. Pelajar juga menggunakan forum *e-learning* atas alasan tuntutan kursus, dinilai dan diberikan markah oleh pensyarah.

## Rujukan

- Allan C.Tagg & Julie A. Dickinson (1994) *Tutor Messaging and Its Effectiveness in Encouraging Student Participation on Computer Conferences*, Journal of Distance Education ISSN: 08830-0445, Dalam Talian: <http://cade.athabascau.ca/vol10.2/taggdickinson.html>
- Anderson T. & Kanuka H. (1997) *Online Forums: New Platform for Professional Development and Group Collaboration*, JCMC3(3), Dalam Talian: <http://jcmc.indiana.edu/vol3/issue3/anderson.html#Abstract>
- Beetham et.al (2004) *Effective Practice with E-learning: A good practice guide in designing for learning*, The Joint Information Systems Committee, Dalam Talian: [http://www.jisc.ac.uk/uploaded\\_documents/ACF5D0.pdf](http://www.jisc.ac.uk/uploaded_documents/ACF5D0.pdf)
- Blackboard Inc. (2000), *Educational Benefits of Online Learning*. Dalam Talian: <http://www.spokane.wsu.edu/spit/help/content/BBdocs/OnlineLearning Benefits.pdf>
- Cheung W.S. & Hew K.F. (2005) *Use of assynchronous online discussion in a hypermedia design class: Pre-Service Teachers perceptions*. Dalam Talian: <http://www.ala.org.acrl.acrlstandard/standards.pdf>
- Dezhi Wu & Hiltz S.R (2004) *Predicting Learning from Asynchronous Online Discussions*.Journal of Asynchronous Learning Networks. Volume 8, Issue 2.
- Dringus, L.P. & Ellis, T.J. (2005). *Using data mining as a strategy for assessing asynchronous discussion forums*. Computers & Education, 45(1), 141-160,
- Dalam Talian: <http://sci2s.ugr.es/keel/pdf/specific/articulo/dringusarticle.pdf>
- Esah Sulaiman (2003) *Asas Pedagogi*.Johor : UTM
- Faisal bin Haji Mohamad, Zuraidah bt Abdul Rahman, Zarina bt Samsudin (2002), *E-pembelajaran : Satu Pendekatan Inovatif dalam Instruksi*. Pulau Pinang : USM
- Gilbert P. & Dabbagh N. (2005). *How to structure online discussions for meaningful discourse: A case study*. British Journal of Educational Technology, 36(1), 5-18, Dalam Talian: <http://www.aect.org/Divisions/gilbert.asp>
- Greg Benfield (2002), *Designing and Managing Effective Online Discussions*.Dalam Talian.[http://www.brookes.ac.uk/services/ocsd/2\\_learntch/briefing\\_papers/on\\_line\\_discussions.pdf](http://www.brookes.ac.uk/services/ocsd/2_learntch/briefing_papers/on_line_discussions.pdf)
- Hamidah bt. Abdul Razak (2007) *Tahap Penggunaan Forum di dalam Sistem Elearning di kalangan Pelajar Tahun Tiga (Jabatan Multimedia Pendidikan) bagi Mata Pelajaran Teknologi Grafik, Audio, Animasi dan Digital (SPM2303) UTM*, Skudai Johor.